

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL
SAMAD [PASIR GUDANG]**

TARIKH : 10 MAC 2015 (SELASA)

PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD [PASIR GUDANG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan maklumat berkenaan Panduan Harga Pengguna dapat disalurkan kepada semua lapisan masyarakat agar info tersebut dapat digunakan dengan sebaiknya oleh pengguna.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Antara langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan maklumat berkenaan Panduan Harga Pengguna dapat disalurkan kepada semua lapisan masyarakat dan diedarkan ke Pejabat-Pejabat KPDNKK di seluruh Negara mengikut pembahagian 6 zon iaitu Zon Utara, Zon Tengah, Zon Selatan, Zon Timur, Zon Sarawak dan Zon Sabah. Buku Panduan Harga Pengguna ini telah dilancarkan pada 29 Januari 2015 dan sebanyak 2 juta naskah telah diterbitkan.

Buku Panduan Harga Pengguna ini juga telah diedarkan kepada Pembantu Hal Ehwal Pengguna Daerah (PHEPD) semasa Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Pengerusi Bersama Gerakan Pengguna Negeri (GPN) dan Pembantu Hal Ehwal Pengguna Daerah (PHEPD) sebagai *focal point* bagi pengedaran Buku Panduan Harga Pengguna serta membantu dalam memberi penerangan di kawasan Parlimen masing-masing berkaitan perubahan harga barangan keperluan asas sebelum dan selepas pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

Selain itu, Buku Panduan Harga Pengguna turut diedarkan di setiap Kementerian, agensi-agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Jabatan Kerajaan Persekutuan serta Negeri.

Pengguna juga boleh melayari Buku Panduan Harga Pengguna di laman sesawang www.kpdnkk.gov.my. Buku Panduan ini boleh dijadikan asas bagi membantu rakyat membuat keputusan dan perbandingan harga dalam pembelian barangan keperluan asas pengguna.